

BULETIN KKTM SRI GADING

IVORY

EDISI MEI - JUN 2023

| BIL. 3/2023

PAPARAN MENARIK

MAJLIS RAIKAN
CINTA DHUYUFUR RAHMAN
1444 HIJRAH



Pertandingan Pra-
Kelayakan Worldskills
Malaysia Belia 2023



CSR PROGRAM:
Memupuk semangat
kerjasama dikalangan
pensyarah dan pelajar





LAWATAN PENANDA ARAS PEJABAT PEMBANGUNAN DAN PENYELENGGARAAN UTHM DI KKTM SRI GADING

Tanggal 8 Mei 2023, pihak UTHM telah mengadakan lawatan penanda aras bagi penyediaan kelengkapan fasiliti Program Building Information Modelling (BIM) di KKTM Sri Gading.

Objektif lawatan ini adalah untuk melihat ruang stesen kerja BIM dan perkakasan infrastruktur yang ada di KKTM Sri Gading. Hasil dapatan dari lawatan ini, kedua-dua pihak IPTA telah membincangkan mengenai projek kerjasama pelajar dan juga mendapatkan nasihat kepakaran dalam penyediaan stesen kerja BIM.



PROGRAM KURSUS ASAS “ROCK CLIMBING” KELAB KEMBARA KKTM SRI GADING

Pada 17 Mei 2023, Kelab Kembara KKTM Sri Gading telah menganjurkan satu program berbentuk aktiviti lasak iaitu Rock Climbing. Program ini telah diadakan di Rockworld, Taman Perniagaan Setia Johor Bahru bermula dari 9.00 pagi hingga 6 petang. Program ini mendapat sambutan yang luar biasa dari kalangan para pelajar kerana ianya salah satu program yang memberikan peluang pelajar menunjukkan kemahiran ketahanan dari segi fizikal dan mental.



Program ini dianjurkan kerana ianya dapat memberi pendedahan awal berkaitan asas “ROCK CLIMBING” dalam membina keyakinan diri untuk membina kerjaya pada masa hadapan kepada pelajar KKTM Sri Gading.

PENYERTAAN PELAJAR KKTM SRI GADING DI DALAM PERTANDINGAN PRA-KELAYAKAN WORLDSKILLS MALAYSIA 2023



- PENYERTAAN PESERTA-PESERTA KKTM SRI GADING DI DALAM PERTANDINGAN PRA-KELAYAKAN WORLDSKILLS MALAYSIA 2023 BAGI BIDANG :
- DIGITAL CONSTRUCTION (MYBIM CENTRE, KUALA LUMPUR)
- BRICKLAYING (IKM LUMUT, PERAK DAN ABM UTARA, SINTOK, KEDAH)
- MECHANICAL CAD (UNIKL MFI, BANGI, SELANGOR)
- TERIMA KASIH DIUCAPKAN KEPADA PIHAK PENGANJUR, MARA, BAHAGIAN KEMAHIRAN DAN MARA, PENGURUSAN, JAWATANKUASA, JURULATIH, PESERTA-PESERTA DAN WARGA KKTM SRI GADING ATAS KERJASAMA DAN SOKONGAN.
- SEMOGA MEREKA SEMUA BEROLEH KEJAYAAN DAN TERPILIH KE PERINGKAT AKHIR.



BIDANG : DIGITAL CONSTRUCTION

JURULATIH / PENGIRING

EN. FAUZAN BIN SAIDIN, EN. MOHD ZULKIFLY BIN HAMZAH, EN. FAZIL BIN JAMALUDIN, EN. NOOR HASLAM AMIN BIN SABAR DAN EN. KHAIRIL IMRAN BIN FADILAH

TAHNIAH KEPADA SEMUA PESERTA!!!



MAJLIS RAIKAN CINTA

DHUYUFUR RAHMAN 1444 HIJRAH



RINGKASAN MAJLIS

ISNIN | 29/05/2023

Memberi penghormatan kepada bakal haji dan hajjah serta menunaikan Solat Hajat berjemaah untuk mendoakan keselamatan dan dipermudahkan segala urusan bagi menunaikan ibadah Haji.

Anjuran : Pertubuhan Kebajikan Kakitangan KKTm Sri Gading (PKK)



Antara bakal jemaah haji yang terlibat adalah Encik Mohd Shahrizan Bin Asmawi dan isteri Puan Aidatul Salwani Binti Jamaluddin, Puan Hanna Hayzalina Binti Zainal, Puan Siti Yuzlina Binti Mutalib dan Encik Mohd Hanif Bin Didi.

**SEMOGA MEREKA SEMUA
MENDAPAT HAJI YANG MABRUR.**

Penyertaan pelajar KKTm Sri Gading di dalam pertandingan Pra- Kelayakan WorldSkills Malaysia 2023



Pengenalan

KKTm SG telah menghantar beberapa orang peserta dalam pertandingan Pra-Kelayakan Worldskills Malaysia Belia 2023 anjuran Kementerian Kerja Raya. Di antara bidang yang disertai oleh peserta kolej adalah Digital Construction, Bricklaying and Mechanical CAD.



Terima kasih..

Terima kasih pihak penganggar, MARA, Bahagian Kemahiran Dan MARA, pengurusan, jawatankuasa, jurulatih, peserta-peserta dan warga KKTm Sri Gading atas kerjasama dan sokongan.

Semoga beroleh kejayaan dan terpilih ke peringkat akhir.

OBJETIF


Pertandingan WSMB merupakan pertandingan kemahiran peringkat kebangsaan yang dianjurkan setiap tahun bertujuan untuk memilih dan mengiktiraf belia atau pekerja mahir yang mempunyai kemahiran unggul. Penganggaran pertandingan ini membantu meningkatkan tahap kemahiran tenaga manusia di Malaysia yang bertaraf dunia. Selain itu, ia dapat memberi kesedaran dan kefahaman kepada masyarakat tentang pentingnya bidang kemahiran kepada pembangunan negara.

ANJURAN : JABATAN DTH

PROGRAM CSR HIGHWAY



OBJEKTIF



Objektif program ini ialah membaikpulih dan membersihkan jambatan yang menghubungkan KKTM dan masjid UTHM di mana ianya merupakan laluan pelajar-pelajar KKTM untuk menuaikan solat Jumaat di masjid UTHM.

TERIMA KASIH KEPADA SEMUA STAF DAN PELAJAR-PELAJAR DTH YANG TERLIBAT DALAM CSRINI. SEMOGA AKAN MENJADI SAHAM AKHIRAT KALIAN

CERITERA CSR..

Antara kerja yang dilakukan ialah membersihkan dan memotong rumput sekitar jambatan, mencuci dan mengecat handrail serta lantai jambatan. Kerja-kerja baikpulih handrail juga dilaksanakan bagi memastikan keselamatan pelajar ketika melalui laluan ini.



**SEMANGAT BEKERJASAMA PERLU DIPUPUK
DALAM KALANGAN KITA**

PROGRAM DTH UKHWAH DAY (BASIC LIFE SUPPORT-BERSAMA KPJ BATU PAHAT SPECIALIST HOSPITAL)

SEKITAR PROGRAM

Program ini merupakan salah satu aktiviti yang dijalankan dalam Program DTH Ukhwah Day. Ianya melibatkan 9 orang kakitangan perubatan dari KPJ Batu Pahat Specialist Hospital dan semua staf serta pelajar dari Program DTH.

Objektif program ini lebih kepada pendedahan kepada pelajar bagaimana dapat memberi pertolongan jika berlaku kecemasan dimasa akan datang.



AKTIVITI

Antara aktiviti yang dijalankan dalam program ini ialah taklimat berkenaan asas pertolongan cemas dan first aid, demonstrasi dan praktikal asas bantuan cemas serta pertandingan mengikat kain anduh kepada mangsa.

Semoga ianya dapat memberi manfaat kepada setiap peserta.



PROGRAM BINGKISAN AKHIR PENDIDIK & APRESIASI DEKAN (SEMESTER 5)

Pada sesi Januari - Jun 2023 tanggal 1 Jun, telah diadakan Majlis Bingkisan Akhir Pendidik & Apresiasi Dekan bagi pelajar semester 5 KKTm Sri Gading.

- Sebagai inisiatif/penghargaan kepada pelajar yang cemerlang akademik
- Mendorong pelajar untuk sentiasa meningkatkan pencapaian akademik ke tahap terbaik



- Melahirkan pelajar cemerlang akademik dan sahsiah
- Meningkatkan kebolehpasaran pelajar/graduan KKTm Sri Gading

Anjuran : Unit Persijilan dan Penilaian KKTm Sri Gading

Semoga semua pelajar semester 5 terus melakar kecemerlangan di masa hadapan!

ANJURAN : KELAB LEMBARA KKJM SRI GADING

PROGRAM KITAR SEMULA



Laporan

Program Kitar Semula Anjuran Kelab Kembara KKTM SRI GADING merupakan program yang bertujuan untuk mengubah sisa menjadi sumber-sumber yang bernilai. Ia juga boleh mengurangkan penggunaan bahan-bahan semulajadi, menjana sumber kewangan dan memberi faedah sosial.

Sehubungan dengan itu, program ini juga dapat memupuk warga KKTM SRI GADING sikap bertanggungjawab kepada bumi dan alam sekitar dengan memberi dan menyediakan peluang dan kesempatan menjalankan aktiviti kitar semula.



SESI DISKUSI PERKEMBANGAN PROGRAM HALA TUJU SELEPAS SPM 2022 ANTARA SEKTOR PEMBANGUNAN MURID



Sesi diskusi perkembangan program hala tuju selepas SPM 2022 telah diadakan bagi tujuan:

- Mengemaskini bilangan pelajar yang telah memohon kemasukan ke KKTM Sri Gading dan GIATMARA
- Membuat penilaian dan penambahbaikan dari segi permohonan pelajar di Daerah Batu Pahat untuk terus memilih KKTM Sri Gading dan GIATMARA
- Makluman untuk pembukaan kaunter promosi pada hari pengambilan keputusan SPM
- Memberikan surat tawaran kepada pelajar yang berjaya di sekolah-sekolah.

Peserta dari kalangan kaunselor Sekolah Daerah Batu Pahat, Pegawai Pejabat Pendidikan Daerah Batu Pahat dan IPMA Daerah Batu Pahat.

Anjuran : Pejabat Pendidikan Batu Pahat Bersama Institut Pendidikan MARA (IPMA) Daerah Batu Pahat





| JUN 2023


LAWATAN PEGAWAI VERIFIKASI BAGI PENARAFAN BINTANG IPMA STRIM KE KKTM SRI GADING



Pada 16 dan 17 Mei 2023, beberapa pegawai verifikasi dari BPIN, BKT dan MMD Batu Pahat telah mengunjungi KKTM Sri Gading bagi melaksanakan proses penarafan bintang IPMa STRIM. Deligasi auditor diketuai oleh Pn. Rosniwati binti Abdullah (Bahagian Pengurusan Risiko & Inspektorat - BPIN), Pn. Zalifah binti Mohd Isa (Bahagian Pengurusan Risiko & Inspektorat - BPIN), En. Mohd Irwan bin Abu Bakar (Wakil Bahagian Kemahiran & Teknikal - BKT) dan Pn. Nor Lela bte Tumpang (Pegawai MARA Daerah Batu Pahat - PMD Batu Pahat).


TUJUAN LAWATAN

Lawatan ini bertujuan untuk memantau dan memberi khidmat runding dalam aspek Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (KKP), Pengurusan Keselamatan Perlindungan (KP), Pengurusan Keselamatan Kebakaran, Pengurusan Keselamatan Bahan Kimia Berbahaya Kepada Kesihatan, Pemeriksaan Sistem Pendawaian Elektrik, Pengurusan Keselamatan Pepasangan Gas LPG dan Pengurusan Logi Rawatan Kumbahan. Di antara tempat yang dilawati adalah kawasan bengkel, makmal, bilik kuliah, tandas, asrama siswi dan siswa serta dewan makan.



Welcome to
STRIM AUDIT PANELS

KKTM SRI GADING | 16th -17th MAY 2023
Lawatan pegawai verifikasi bagi penarafan bintang IPMa
STRIM ke KKTM Sri Gading



PERBINCANGAN KOLABRASI KERJASAMA ANTARA KKTM SRI GADING DAN MALAYSIA RESOURCES CORPORATION BERHAD (MRCB)



AGENDA

Pihak KKTM Sri Gading telah mengadakan lawatan industri di MRCB, Kuala Lumpur pada 16 Mei 2023. Lawatan ini diketuai oleh Tuan Pengarah KKTM Sri Gading, Tuan Haji Azman Bin Ali, Ketua Program DTF Ts. Mohd Shahrizan Bin Asmawi dan beberapa orang staf MARA. Objektif utama lawatan ini adalah menjalankan usaha sama strategik dan berkongsi maklumat kemahiran dan teknologi di antara KKTM Sri Gading dan MRCB.

Melalui lawatan ini, diharapkan dapat mewujudkan kerjasama strategik yang bakal memberikan impak dalam membangunkan pelajar yang berkemahiran, berpengetahuan serta kompetitif dalam persekitaran di industri pembinaan.

PENGLIBATAN

Pegawai MRCB :

1. Datuk Dell Akbar Khan - Naib Presiden MRCB
2. En Johan Aly - Pengurus Besar, Sustainability.
3. En Afnan Aizat - Pengurus Sumber Manusia
4. Pn Nor Amirah - Eksekutif Kanan Safety
5. Pn Siti Hafizah - Eksekutif Environment

Pegawai KKTM Sri Gading :

1. En Mardzuqi Bin Md Noor - Pengerusi JK Perhubungan Industri
2. Pn Nor Fazween Bt Ahmad Rusly - Pegawai Perhubungan Industri
3. Pn Azeana Binti Abdullah - Wakil BKT
4. En Mohd Iqbal - Wakil BKT

JOM IKLAN!!!

Alumni KKTMSG

Julai 2023

WE ARE HIRING

POSITION: FIELD SURVEYOR

Requirement:

- Possess good analytical skills, meticulous, highly organized, proactive, committed, and strong negotiation skills.
- Ability to build good relationship internally and externally
- Able to handle and care of survey equipment

Send your cv resume to :
sales@goodelta-systems.com
+60 19-321 2175 (Mr. Ariif)

Our LinkedIn and Facebook:
<https://www.linkedin.com/company/goodelta-systems/>



BIM MODELLER & FIELD SURVEYOR

Assalamualaikum & Salam Sejahtera
Job vacancy!!!! Urgent!!!


Position : BIM Modeller & Field Surveyor

Company : Geodelta Systems Sdn Bhd

Location : Damansara Utama, Petaling Jaya,
Selangor

Kindly contact:

+60 19-321 2175 (Mr. Ariif)
+60 13-454 5420 (Mr. Faizal)



BIM MODELLER

Assalamualaikum & Salam Sejahtera

Job vacancy!!!! Urgent!

Position : Bim Modeller M&E

Company : 10creative solution sdn bhd
(ICT Consultant)

Site Project : Hospital Pasir Gudang (JKR project) fully using BIM & Precast.

Location : Seri Alam

Prefer Experience 1/2 years or Fresh Graduate in BIM

Kindly contact personal incharge :
+60 17-259 1735 (Ts.Ghazali)



WE ARE HIRING!

JUNIOR BIM COORDINATOR

REQUIREMENTS:

- Open for Malaysian Citizens.
- Diploma or Bachelor's Degree in Architecture, Engineering, Construction, or any related AEC field.
- Proficient in Revit, Civil3D, Navisworks, and Reporting Tools.
- Willing to learn new technologies.
- Must have basic knowledge of BIM and the construction process.
- Fresh graduates are encouraged to apply.
- Salary range from RM2500 - RM4000.

SEND YOUR RESUME HERE :
career@asasi-bim.com



WE ARE HIRING!

JUNIOR BIM MODELER

REQUIREMENTS:

- Open for Malaysian Citizens.
- Diploma or Bachelor's Degree in Architecture, Engineering, Construction, or any related AEC field.
- Proficient in Revit, Civil3D, Naviswork, and Reporting Tools.
- Proficiency in Navisworks and Civil 3D is considered an advantage in the recruitment process.
- Willing to learn new technologies.
- Must have basic knowledge of BIM and the construction process.
- Fresh graduates are encouraged to apply.
- Salary range from RM1800 - RM3000.

SEND YOUR RESUME HERE :
career@asasi-bim.com



- DIPLOMA OR BACHELOR'S DEGREE IN ARCHITECTURE, ENGINEERING OR ANY AEC RELATED FIELD
- WILLING TO LEARN NEW TECHNOLOGY
- MUST HAVE BASIC ENGLISH



For any inquiry, scan this QR code to visit our website
www.asasi-bim.com



SEND YOUR CV TO :
career@asasi-bim.com

CONTACT
+6012 676 2942



WE ARE HIRING!

JUNIOR BIM MODELER (ON-SITE)

REQUIREMENTS:

- Open for Malaysian Citizens.
- Diploma or Bachelor's Degree in Architecture, Engineering, Construction, or any related AEC field.
- Willing to be stationed full-time at Tampin, Negeri Sembilan.
- Proficient in Revit Architecture, Structure, and MEP.
- Proficiency in Navisworks and Civil 3D is considered an advantages in the recruitment process.
- Willing to learn new technologies.
- Must have basic knowledge of BIM and the construction process.
- Fresh graduates are encouraged to apply.
- Salary range from RM1800 - RM3000.

SEND YOUR RESUME HERE :
career@asasi-bim.com



JOM IKLAN!



Hi. We MyCES Sdn Bhd have a job vacancy at our company ;

Job Vacancy for Energy Auditor/Engineer at MyCES Sdn Bhd

Requirement:

- Candidates should possess a minimum Bachelor Degree in Engineering/Engineering Technology (Fresh graduate are encourage to apply)
- Good presentation skills and able to present to client with confidence
- Able to troubleshoot and solve complex technical issues.
- Must have strong organizational abilities, good time management and attention to details.
- Able to work with minimum supervision
- Willing to travel and work on short notice (weekend/holidays)
- Excellent oral & written communication skills in English & Bahasa Malaysia will be an added advantage.

Roles & responsibilities:

- * To conduct details energy audit in commercial and industrial building
- * To conduct site visit and prepare energy audit proposal to the client
- * To do data analysis and prepare energy audit report with energy saving measures proposal within given timeline
- * To present the energy audit findings and the energy saving measures to the client

Drop your resume now to
anissyazwanie@mycesgroup.com and kindly share this posting to others.

Thank you!

- Hi. We have a position for an internship student at our company for January/February 2024 intake.
- Please refer below for more details :
- **Internship for Electrical Energy Engineer at MYCES Sdn Bhd :**
- Requirements
 - Diploma / Degree in Electrical / Mechanical Engineering
 - Willing to travel
 - Eager to learn about energy field
 - Responsible, proactive, and a good team player
- Monthly allowance are provided.
- Location : Bandar Teknologi Kajang, Semenyih
- For those who are interested to apply the job, please send your resume to
affiq@mycesgroup.com.



MINI KARNIVAL IPMA @ JELAJAH PENDIDIKAN LUAR BANDAR MARA, JEMPOL, N.SEMBILAN

Mini Karnival IPMA @ Jelajah Pendidikan Luar Bandar MARA Negeri Sembilan telah berlangsung pada 21 Jun 2023, Rabu di Dewan SBP Integrasi Jempol.

En. Mohd Zulkhaari Bin Tukiman dan En. Mohd Shahrul Azwan Bin Ramli telah ditugaskan untuk menyampaikan perkongsian di booth KKTM Sri Gading. Pelajar juga turut dibawa bersama untuk membantu dalam mempromosikan KKTM Sri Gading.

Mini Karnival ini berjaya memberi keterujaan kepada para pelajar di sana. Perkongsian berkenaan tawaran pendidikan oleh MARA berjaya memberi kesan yang positif kepada orang ramai. Karnival seperti ini perlu dilaksanakan dengan lebih meluas bagi memperkenalkan setiap institusi pelajaran di bawah kelolaan MARA serta tawaran dan jaminan yang diberikan.



The banner features the official logo for "MINI KARNIVAL INSTITUSI PENDIDIKAN MARA 2023". It includes the text "Mendepani Cabaran, Mencipta Masa Depan". Below the logo, it specifies the event details: DAERAH: JEMPOL N.SEMBILAN, TARikh: 21/06/2023 (RABU), BERTEMPAT DI: SBP INTEGRASI JEMPOL. It also mentions "AKTIVITI MENARIK", "PAMERAN DAN TAKJIMAT DARI INSTITUSI PENDIDIKAN MARA (IPMA) & PROGRAM PINJAMAN PELAJARAN MARA", and "LEPASAN SPM 2022 & STPM 2022". Logos for UniKL, HPTM, GMI, MJII, ILCM, GIATMARA, and the Ministry of Education are displayed. The tagline "#CiptaMasaDepanUnggulBersamaMARA" is also present.



AKTIVITI PENGUNGSIAN BANGUNAN DI KALANGAN STAFF KKTM SRI GADING.

ANJURAN UNIT MERT (MARA EMERGENCY RESPONSE TEAMS)

KKTM SRI GADING



13 JUN 2023 / SELASA

>>> OBJKTIF

Memberi latihan pengunsian bangunan kepada para staff supaya lebih bersedia dan mengetahui teknik mengunci bangunan sekiranya berlaku malapetaka yang tidak dijangka seperti kebakaran bangunan



INFO <<

Aktiviti pengungsian bangunan di kalangan staff KKTM Sri Gading diadakan pada tarikh 13 Jun 2023 / selasa pada jam 9 pagi di perkarangan gelanggang bola tampar (Tapak Perhimpunan Kecemasan) yang melibatkan semua staf KKTM Sri Gading.



PROGRAM BUAL BICARA INTEGRITI “ISU INTEGRITI DALAM INDUSTRI PEMBINAAN : SATU PENGALAMAN”

01 JUN 2023 / KHAMIS

09.00am - 10.00 am



INFO

Program Bual Bicara Integriti “Isu Integriti Dalam Industri Pembinaan : Satu Pengalaman” diadakan pada tarikh 1 Jun 2023 (Khamis) pada jam 9.00 pagi sehingga 10.00 pagi bertempat di Dewan Teater A, KKTM SRI GADING.



OBJEKTIF

Program ini dijalankan bertujuan untuk berkongsi dan memberi pendedahan kepada pelajar tentang kepentingan persediaan integriti diri sebelum bekerja di dalam industri pembinaan khususnya.



INFO TAMBAHAN

Program ini dianjurkan oleh Jawatankuasa Sekteriat AMAR KKTM Sri Gading dan dihadiri peserta dari pelajar semester 5

JALINAN KERJASAMA INDUSTRI BERIMPAK TINGGI ANTARA DTC KKTM SRI GADING DAN TERAJU CONSTRUCTION SDN BHD.



JALINAN KERJASAMA INDUSTRI BERIMPAK TINGGI

Teraju Construction Sdn Bhd telah menerima kunjungan dari beberapa staf KKTM SG dalam membincangkan jalinan kerjasama industri berimpak tinggi pada 20 Jun 2023 di Zenith Hotel, Putrajaya. Deligasi dari KKTM Sri Gading diketuai oleh TP HEA En. Khairul Anuar, Pegawai Perhubungan Industri Pn. Fazween, Ketua Program DTC Tn. Syed Ahmad Fauzan Bin Mohd serta semua pensyarah program DTC.

Pengarah Urusan Teraju Tn Hj. Fakhrul Nazhi, Pengurus Projek TCSB En Azili dan Pengurus Projek TPSSB En Aziman mengetui perbincangan ini. Tujuan utama lawatan ini adalah menjalankan usaha sama strategik dan berkongsi maklumat kemahiran dan teknologi di antara KKTM Sri Gading dan Teraju Construction Sdn Bhd.

OBJEKTIF

1. Berkerjasama dalam bidang IBS
2. Perkongsian kepakaran, kemahiran dan ilmu kepada pensyarah dan pelajar KKTM Sri Gading
3. Menyediakan penempatan pelajar untuk Latihan Industri
4. Memperkenalkan Program dan mempromosikan pelajar KKTM Sri Gading
5. Memastikan graduan KKTM Sri Gading memenuhi keperluan pasaran pekerjaan negara.
6. Teraju Construction Sdn Bhd berhasrat untuk mencipta program sesuai TVET dan program peningkatan kemahiran untuk anak muda Malaysia. Tumpuan khusus adalah kepada bidang IBS.





KARNIVAL INSTITUSI PENDIDIKAN MARA 2023
Mendepani Cabaran, Mencipta Masa Depan

10 Jun - 16 Julai 2023

Sertai Karnival IPMA di Seluruh Malaysia (10.00 pagi - 6.00 petang)

10 - 11 Jun 2023
KUALA LUMPUR | Ruang Legar, Ibu Pejabat MARA

17 - 18 Jun 2023
SABAH | Suria Mall, Kota Kinabalu
PAHANG | Berjaya Megamall, Kuantan
JOHOR | Plaza Larkin, Johor Bahru

20 - 21 Jun 2023
PERLIS | Dewan Warisan, Kangar

24 - 25 Jun 2023
SARAWAK | The Summer Mall, Kota Samarahan
TERENGGANU | Terengganu Trade Centre, Kuala Terengganu

8 - 9 Julai 2023
KEDAH | Stadium Sultan Abdul Halim, Suka Menanti, Alor Setar
MELAKA | AEON Bandaraya Melaka

14 - 15 Julai 2023
KELANTAN | Mydin Mall Tunjong, Kota Bharu, Kelantan

15 - 16 Julai 2023
PULAU PINANG | Mydin Mall Bukit Mertajam
PERAK | Mydin Mall Meru, Ipoh

MENDEPANI CABARAN, MENCIPRA MASA DEPAN

Anjuran Bersama :

4P
1 PENERANGAN
2 PERMOHONAN
3 PENAWARAN
4 PENAJAAN

Maklumat lanjut :

Karnival Institusi Pendidikan MARA telah berlangsung selama dua (2) hari di Plaza Larkin, Johor Bahru. Karnival ini, telah dipertanggungjawabkan oleh empat (4) orang pendidik dari KKTM Sri Gading iaitu En. Mohd Fauzan Bin Saidin dan En. Mohd Fizal Bin Abu Bakar pada 17 Jun 2023. Manakala Pn. Suhaya Binti Sukemi dan Pn. Izzati Binti Yahya telah ditugaskan pada 18 Jun 2023.

Karnival ini juga turut dibantu oleh beberapa orang pelajar untuk tujuan promosi kolej. Pelajar yang hadir diberi peluang untuk membuat perkongsian keseronokkan belajar di KKTM Sri Gading.

Alatan sesi pembelajaran juga turut di kongsi bersama sepanjang tempoh karnival berlangsung. Hal ini, bertujuan untuk memberi kesan kepada orang ramai yang hadir ke booth KKTM Sri Gading. Selaras dengan Motto karnival iaitu ‘Mendepani cabaran, mencipta masa depan’.

Kunjungan mesra oleh Pengurus MARA, Dato' Dr. Asyraf Wajdi Bin Dato' Dusuki ke booth KKTM Sri Gading juga sangat memberi inspirasi kepada pelajar-pelajar yang sedia ada di booth tersebut. Karnival Institusi Pendidikan MARA seperti ini perlu dilaksanakan dengan lebih meluas dalam memperkenalkan IPMA kepada masyarakat setempat.

OBJEKTIF

Mempromosi Kolej Kemahiran Tinggi MARA Sri Gading kepada orang ramai. Pendedahan berkenaan kos pelajaran yang terdapat di kolej. Selain itu, pelajar didatangkan khas untuk berkongsi pengalaman menarik belajar di KKTM Sri Gading.

KARNIVAL INSTITUSI PENDIDIKAN MARA PERINGKAT NEGERI JOHOR

PLAZA LARKIN, JOHOR BAHRU



LAWATAN KE INDUSTRI (SYARIKAT RIMBUNAN PRIMA GLOBAL SDN. BHD.)



OBJEKTIF



1. Membincangkan kerjasama untuk mewujudkan satu bentuk latihan dalam menghasilkan usahawan IBS.
2. Perbincangan dalam kerjasama Program Sepanjang Hayat (PSH) yang boleh memberi sijil kompetensi kepada peserta.
3. Mewujudkan kerjasama di dalam menghasilkan kompetensi untuk GVCC.



Lawatan tersebut diketuai oleh En. Muhammad Fakru Razi bin Abdul Aziz selaku Pengurus Jawatankuasa Industrial Business Unit dan disertai oleh Puan Nooridah binti Ithnin selaku Setiausaha serta 3 pensyarah lain dan seorang Pegawai Perhubungan Industri iaitu Puan Nor Fazween binti Ahmad Rusly.

Semoga dengan kerjasama yang diwujudkan tersebut akan menjadikan KKTMI Sri Gading terus gah dimata masyarakat dan terus mengorak langkah untuk mencipta lebih banyak kejayaan di masa akan datang.



MAJLIS PERPISAHAN

TN HJ AHMAD FAUZI & PN NORHASHIMA



Majlis Perpisahan tersebut telah diadakan sempena meraikan 2 orang warga kerja KKTMB Sri Gading yang akan berpindah untuk meneruskan perkhidmatan mereka ditempat baru.



Tahniah dan Sayonara diucapkan kepada Tuan Haji Ahmad Fauzi bin Ahmad yang akan berpindah ke IKM Seberang Perai Utara sementara Puan Norhashima binti Ibrahim pula akan berpindah ke IKM Lumut.

Semoga dengan penghijrahan ke tempat baru itu nanti akan memberi peluang dan ruang yang lebih luas lagi buat kalian untuk melakar kejayaan demi kejayaan bersama Majlis Amanah Rakyat.



MESYUARAT SENAT PUSAT BAGI KKTM SRI GADING

SESI JANUARI - JUN 2023



OBJEKTIF

Objektif mesyuarat adalah meneliti dan mengesahkan markah pencapaian pelajar bagi sesi semester Januari – Jun 2023. Serta juga mengatur strategi pada masa akan datang bagi mengurangkan “defect” permasalahan pelajar khususnya dalam bidang akademik.



31 MEI 2023 – 4 JUN 2023

EVOLVE CONCEPT MALL,
ARA DAMANSARA,
PETALING JAYA, SELANGOR

PENDEKAR SEABAD XIV

PARA PENYERTAAN DARI KELAB SILAT PELAJAR KKT M SRI GADING DALAM KATEGORI PELAJAR IPT/OPEN

Pertandingan ini adalah terbuka kepada semua pesilat yang mewakili negara, negeri, persatuan dan kelab.

Objektif pertandingan adalah memberi peluang kepada pelajar KKT M Sri Gading menunjukkan bakat dalam seni mempertahankan diri (Silat), memberi pendedahan suasana pertandingan sebenar kepada peserta, mewujudkan budaya bersukan dikalangan pelajar serta menyumbang ke arah kesihatan mental dan fizikal dan yang terakhir muwujudkan sikap berdaya saing dan tidak putus asa dikalangan pelajar.

Senarai nama pelajar yang telah memperolehi kemenangan ialah :-

- (1) Raihana Tasha Binti Romaino –
Juara Kategori G Wanita
- (2) Muhammad Qusyairy Khairy Bin Azami – Naib Juara
Kategori F Lelaki



Taklimat Promosi Sempena Pengumuman Keputusan SPM



Telah berlangsung
Taklimat Promosi
Sempena
Pengumuman
Keputusan SPM oleh En.
Shah Zulmizan bin
Safar yang bertempat
di Dewan Teater A
pada tarikh 7 Jun 2023
jam 10.15 pagi



Sekolah yang terlibat
dari Daerah Batu
Pahat adalah
sebanyak 32 buah
sekolah dan 3 buah
sekolah dari luar
Daerah Batu Pahat
iaitu Kluang, Johor
Bahru dan Kota Tinggi
berserta 5 MRSM di
sekitar Negeri Johor.



OBJEKTIF

1. Memberi maklumat bagi persediaan pegawai promosi yang terlibat untuk promosi ketika hari pengumuman SPM 2022
2. Memberi penerangan langkah untuk pelawaan surat penawaran kemasukan ke KKTM Sri Gading
3. Penyerahan sampul berisi surat pelawaan dan flyers promosi.